

Standard Interim FCP

Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia

Di bawah Majlis Pengawasan Hutan

A. PENGENALAN

Dokumen ini mengandungi Standard Interim yang digunakan oleh Sistem Pensijilan Saintifik (SCS) untuk menjalankan penilaian pensijilan hutan di Malaysia. Skop standard ini termasuk hutan asli dan hutan ladang. Apabila terdapat standard yang diiktiraf oleh FSC secara rasmi untuk digunakan di Malaysia, semua penilaian lanjut akan dilakukan berpandukan standard yang dinyatakan tersebut. Standard ini mematuhi semua dasar, standard dan nota makluman Antarabangsa FSC yang berkaitan.

SCS mengubah suai Standard Interim Generiknya dalam mewujudkan standard interim ini untuk Malaysia. SCS turut merujuk pada Kriteria dan Penunjuk Malaysia serta mempertimbangkan komen pihak yang berkepentingan. Sebelum memulakan sebarang penilaian pensijilan penuh di Malaysia, standard ini akan diedarkan kepada pihak yang berkepentingan untuk diberi komen.

B. PENGGUNAAN STANDARD

Pematuhan standard ini akan ditentukan dengan menilai prestasi yang mematuhi setiap penunjuk standard di peringkat Unit Pengurusan Hutan (FMU) dan dibandingkan dengan sebarang nilai ambang prestasi yang ditentukan untuk penunjuk tersebut. Penunjuk itu digunakan pada semua hutan yang diliputi skop standard, termasuk SLIMF, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Dalam proses menyesuaikan standard ini untuk penaksiran operasi hutan tertentu, ia mungkin distrukturkan semula untuk meningkatkan pelaksanaannya di lapangan atau untuk memudahkan pihak yang berkepentingan mentafsirkan standard tersebut, tetapi hanya jika telah diluluskan terlebih dahulu oleh Pengarah SCS Pensijilan Pengurusan Hutan. Penstrukturan semula atau penyesuaian standard ini tidak akan menjejaskan syarat-syarat keperluan untuk membuat keputusan pematuhan dan pensijilan. Jika aduan atau rayuan difailkan, standard yang lengkap akan dianggap muktamad.

PRINSIP #1: PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PRINSIP FSC

Pengurusan hutan harus menghormati semua undang-undang yang boleh digunakan di negara tempat ia berlaku dan triti serta perjanjian antarabangsa kepada negara yang menandatangani dan mematuhi semua Prinsip dan Kriteria FSC.

- 1.1. Pengurusan hutan harus menghormati semua undang-undang kebangsaan dan tempatan serta keperluan pentadbiran.

Penunjuk Prestasi:

- 1.1.1) Daftar (senarai rujukan) semua statut dan badan kawal selia berkaitan yang dikemas kini dikekalkan dan disediakan kepada pengurus hutan; ringkasan peraturan utama disimpan di pejabat lapangan.
- 1.1.2) Pengurus hutan menunjukkan pengetahuan kerja mengenai rangka kerja kawal selia di tempat mereka beroperasi.

Cara Pengesahan: misalnya, perbincangan lisan dengan kakitangan pengurusan hutan utama, perundingan dengan kakitangan kawal selia berkaitan.

- 1.1.3) Kekerapan dan sifat pelanggaran peraturan tidak menunjukkan ketakpatuhan meluas dan sistemik terhadap undang-undang dan peraturan yang digunakan; apabila pelanggaran berlaku, pengurus hutan bertindak dengan segera untuk memperbetulkan dan menyelesaikan keadaan yang berkaitan dengan pelanggaran

Cara Pengesahan: misalnya, rekod pemeriksaan agensi kawal selia, temu ramah dengan kakitangan agensi kawal selia.

- 1.1.4) Perhubungan antara pengurus hutan dan kakitangan daripada agensi kawal selia berkaitan boleh disifatkan sebagai produktif dan kolaboratif.

Cara Pengesahan: misalnya, perbincangan lisan dengan kakitangan pengurusan hutan utama, perundingan dengan kakitangan kawal selia berkaitan.

- 1.2. Semua bayaran, royalti, cukai dan caj lain yang berkenaan dan dikenakan secara sah hendaklah dibayar.

Penunjuk Prestasi:

- 1.2.1) Pengurus hutan menunjukkan pengetahuan kerja mengenai semua bayaran, royalti, cukai dan caj lain yang berkenaan yang berkaitan dengan operasi mereka.
- 1.2.2) Tiada bukti kronik pembayaran tidak dilakukan; sebaliknya, pembayaran dibuat secara tetap tepat pada masanya.
- 1.2.3) Rekod mengenai semua pembayaran yang telah dikemas kini disimpan dan rekod sedemikian tersedia kepada juruaudit SCS.

- 1.3. Di negara-negara yang menandatangani perjanjian tersebut, peruntukan semua perjanjian antarabangsa yang terikat seperti CITES, Konvensyen ILO, ITTA dan Konvensyen mengenai Kepelbagaian Biologi, hendaklah dipatuhi.

Penunjuk Prestasi:

- 1.3.1) Pengurus hutan menyedari bahawa perjanjian antarabangsa yang terikat harus digunakan di negara di mana operasi hutan mereka bertapak.
- 1.3.2) Pengurus hutan menunjukkan kesensitifan terhadap semua perjanjian antarabangsa yang terikat dan usaha untuk mematuhi peraturannya.

Pengesah:

- *FME mempunyai ikhtisar perjanjian antarabangsa yang terikat yang meringkaskan bagaimana FME harus mematuhi perjanjian ini.*

- 1.4. Konflik antara undang-undang, peraturan dan Prinsip dan Kriteria FSC hendaklah dinilai untuk tujuan pensijilan, berdasarkan kes demi kes, oleh pegawai pengesah dan oleh pihak yang terlibat atau yang terjejas.

Penunjuk Prestasi:

- 1.4.1) Pengurus hutan harus jujur dan menepati masa dalam memaklumkan juruaudit SCS mengenai sebarang kemungkinan konflik antara undang-undang, peraturan dan Prinsip dan Kriteria FSC.
 - 1.4.2) Pengurus hutan sudi menyertai proses yang adil untuk menyelesaikan konflik, atas permintaan SCS dan/atau FSC.
- 1.5. Kawasan pengurusan hutan hendaklah dilindungi daripada penuaian, penerokaan haram dan aktiviti tidak dibenarkan yang lain.

Penunjuk Prestasi:

- 1.5.1) Rancangan pengurusan mengandungi dasar jelas yang menyatakan bahawa kawasan hutan yang ditentukan (unit pengurusan hutan yang memohon pensijilan FSC) hendaklah dilindungi daripada penuaian, penerokaan haram dan aktiviti tidak dibenarkan yang lain.
- 1.5.2) Pengurus hutan menguntukkan sumber (tenaga kerja dan wang) untuk menjalankan pengawasan di kawasan hutan yang ditentukan pada tahap yang mana aktiviti tidak dibenarkan ditemui dan dikawal dengan segera.

Cara Pengesahan: misalnya, rekod tenaga kerja dan perbelanjaan modal syarikat, protokol pengawasan syarikat, rekod atau bukti lain mengenai sifat dan kekerapan aktiviti yang tidak dibenarkan.

- 1.5.3) Pengurus hutan membentuk perhubungan kerja yang positif dan kolaboratif dengan pegawai berkaitan daripada agensi penguat kuasa tempatan, negeri dan persekutuan untuk melindungi kawasan pengurusan hutan.

- 1.6. Pengurus hutan hendaklah menunjukkan komitmen jangka panjang untuk mematuhi Prinsip dan Kriteria FSC.

Penunjuk Prestasi:

- 1.6.1) Dalam rancangan pengurusan atau dokumen bersesuaian lain yang tersedia luas kepada orang awam, terdapat kenyataan jelas mengenai komitmen kepada Prinsip dan Kriteria FSC. Apabila FME menggunakan kontraktor, kontraktor tersebut perlu mematuhi peraturan FSC P&C.

Pengesah:

- *Kontrak mengandungi bahasa yang jelas dan bersesuaian yang memerlukan kontraktor mematuhi FSC P&C dalam rancangan pengurusan dan ringkasan awam di dalamnya, atau dokumen lain yang tersedia luas kepada orang awam (misalnya, laman web operasi), terdapat kenyataan yang jelas mengenai komitmen terhadap Prinsip & Kriteria FSC.*

- 1.6.2) Salinan bertulis Prinsip & Kriteria FSC tersedia kepada semua kakitangan pengurusan dan lapangan; pengurus hutan menunjukkan pengetahuan umum mengenai P&C
- 1.6.3) Skala pelaburan dalam pengurusan hutan dan pentadbiran adalah konsisten dengan komitmen jangka panjang terhadap pengawasan hutan.

Kaedah Penentusahan: misalnya, rekod kewangan syarikat, temu ramah dengan kakitangan peringkat lapangan, pemantauan keadaan hutan termasuk jalan dan infrastruktur lain.

- 1.6.4) Jika kawasan hutan yang ditentukan yang mana permohonan sijil sedang dilakukan tidak merangkumi keseluruhan pemilikan, aktiviti pengurusan bagi bahagian pemilikan yang tidak menjalani penilaian pensijilan secara umumnya serasi dengan P&C dan mematuhi keperluan SCS semasa terhadap keperluan pensijilan separa estet dan Dasar FSC-POL-01-004 V1-0 untuk Penyekutuan dengan FSC.

PRINSIP #2: PEMEGANGAN DAN HAK PENGGUNAAN DAN TANGGUNGJAWAB

Pemegangan jangka panjang dan hak penggunaan untuk sumber tanah dan hutan hendaklah ditakrifkan dengan jelas, didokumentasikan dan diwujudkan secara sah.

- 2.1. Bukti jelas mengenai hak penggunaan tanah hutan untuk jangka panjang (misalnya hak milik tanah, hak adat, atau perjanjian pajakan) hendaklah ditunjukkan.

Penunjuk Prestasi:

- 2.1.1) Terdapat dokumentasi bertulis bona fide mengenai hak penggunaan sah terhadap kawasan hutan yang ditentukan yang sedang menjalani penilaian sijil. Hak penggunaan sah mungkin berkaitan dengan: pemilikan bayaran mudah, hak pajakan jangka panjang atau boleh diperbaharui, perjanjian pengurusan eksklusif jangka panjang atau boleh diperbaharui atau mekanisme lain yang menguntukkan perjanjian pengurusan jangka panjang atau boleh diperbaharui dan tanggungjawab pihak yang mempunyai kontrak dengan SCS (atau kepada pemegang sijil yang dimaksudkan, jika kos penilaian dibayar oleh pihak ketiga).

- 2.1.2) Pengurus/pemilik hutan menyokong mekanisme yang diiktiraf secara sah untuk menyelesaikan tuntutan tanah yang dibuat oleh individu atau entiti luaran, termasuk tetapi terhadap kepada orang asli.
- 2.2. Masyarakat tempatan dengan pemegangan sah atau adat atau hak penggunaan hendaklah mengekalkan kawalan, sehingga suatu tahap yang perlu untuk melindungi hak atau sumber mereka, terhadap operasi hutan melainkan mereka mewakili kawalan dengan kebenaran bebas dan termaklum kepada agensi lain.

Penunjuk Prestasi:

- 2.2.1) Masyarakat tempatan dan/atau pihak berkepentingan lain dengan pemegangan sah atau adat atau hak penggunaan yang diiktiraf sewajarnya di dalam kawasan hutan yang ditentukan telah dikenal pasti dan sifat hak ini diterangkan dan dokumentasikan serta dihormati oleh pengurus hutan.

Contoh pemegangan sah atau adat atau hak penggunaan mungkin termasuk:

- hak laluan awam;*
- perolehan hak yang telah ditetapkan;*
- pengumpulan produk hutan bukan balak;*
- mendaki, memancing, memburu atau rekreasi lain;*
- pengumpulan kayu api;*
- lawatan ke tapak kebudayaan penting.*

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan yang berkaitan, kajian semula daftar syarikat terhadap pemegangan atau hak penggunaan yang diketahui, perundingan dengan jiran atau individu atau entiti luaran yang lain.

- 2.2.2) Pengurus hutan mengekalkan perhubungan kerja yang positif/kolaboratif dengan pemegang hak sah atau adat atau hak penggunaan yang diiktiraf sewajarnya.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan yang berkaitan, perundingan dengan jiran atau individu atau entiti luaran yang lain.

- 2.2.3) Apabila masyarakat telah mewakili kawalan hak sah atau pemegangan adat atau penggunaan mereka sepenuhnya atau sebahagiannya, ini mesti disahkan dengan perjanjian yang didokumentasikan dan/atau temu ramah dengan wakil masyarakat tempatan.

- 2.3. Mekanisme yang bersesuaian hendaklah digunakan untuk menyelesaikan pertikaian terhadap tuntutan pemegangan dan hak penggunaan. Keadaan dan status sebarang pertikaian yang belum selesai akan dipertimbangkan dengan jelas dalam penilaian pensijilan. Pertikaian yang bermagnitud besar yang melibatkan bilangan kepentingan yang besar biasanya akan membatalkan kelayakan operasi daripada disahkan.

Penunjuk Prestasi:

- 2.3.1) Rekod mengenai pertikaian terdahulu terhadap tuntutan pemegangan dan hak penggunaan disimpan, sehingga suatu tahap perincian yang mencukupi untuk membolehkan juruaudit SCS menentukan sifat dan magnitud pertikaian.
- 2.3.2) Pengurus hutan boleh menunjukkan menerusi dokumentasi dan bukti lain, bahawa mekanisme yang telah diwujudkan telah digunakan untuk menyelesaikan pertikaian terhadap tuntutan

pemegangan dan hak penggunaan.

Pengesah:

- *Rekod atau dokumen berkaitan yang lain yang memperincikan pertikaian terdahulu dan semasa sepanjang tuntutan pemegangan dan hak penggunaan dikekalkan dan disediakan kepada juruaudit SCS.*
- *Perjanjian dan/ atau mekanisme untuk menyelesaikan pertikaian terhadap tuntutan pemegangan dan hak penggunaan didokumentasikan.*

2.3.3) Magnitud dan keterukan pertikaian pemegangan dan hak penggunaan yang belum diselesaikan dihadkan kepada kurang daripada 5% bidang tanah.

PRINSIP #3: HAK ORANG ASLI

Hak sah dan adat orang asli untuk memiliki, menggunakan dan mengurus tanah, wilayah dan sumber mereka hendaklah diiktiraf dan dihormati.

3.1. Orang asli hendaklah mengawal pengurusan hutan di atas tanah dan wilayah mereka melainkan mereka mewakilkan kawalan dengan kebenaran bebas dan termaklum kepada agensi lain.

Penunjuk Prestasi:

3.1.1) Tanpa pengecualian pengurus hutan mencari untuk menentukan secara muktamad jika wujud isu orang asli sedia ada (misalnya, tuntutan tanah) yang dikaitkan dengan kawasan hutan yang ditentukan yang menjadi fokus penilaian pensijilan.

Cara Pengesahan: misalnya, rundingan dengan orang asli dan/atau organisasi yang mewakili orang asli, temu ramah dengan kakitangan pengurusan yang berkaitan.

3.1.2) Jika kawasan hutan yang ditentukan terdiri daripada atau termasuk tanah atau wilayah yang dimiliki sewajarnya atau dikawal oleh orang asli, pengurusan tanah tersebut adalah sama ada: i) di bawah kawalan orang asli atau ii) diambil oleh pihak lain kepada siapa kebenaran bebas dan termaklum untuk mengurus telah diberikan dan didokumentasikan, oleh wakil orang asli yang disahkan.

- **Nota 1** Untuk kebenaran menjadi termaklum memerlukan bahawa orang yang terlibat dimaklumkan sepenuhnya dan dengan tepat mengenai implikasi sebarang perjanjian dan dirujuk menerusi prosedur yang bersesuaian dan menerusi institusi wakil mereka (Ruj, ILO Konvensyen 169, Artikel 6(1)).
- **Nota 2** Untuk kebenaran menjadi bebas memerlukan bahawa ia diberi oleh Orang Asli menerusi institusi wakil mereka dan dinyatakan secara bebas tanpa paksaan atau tekanan. (Ruj: ILO Konvensyen 169 Artikel 7(1)).

3.1.3) Di mana hak dan isu yang melibatkan orang asli dipertikaikan, proses yang telah ditetapkan untuk menangani dan menyelesaikan ketidakpuasan telah diwujudkan dan digunakan secara aktif oleh pengurus/pemilik hutan.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan yang

berkaitan, rundingan dengan orang asli dan/atau organisasi yang mewakili orang asli.

- 3.2. Pengurusan hutan tidak boleh mengancam atau mengurangkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sumber atau hak pemegangan orang asli.

Penunjuk Prestasi:

- 3.2.1) Pengurus hutan menunjukkan, menerusi dasar dan tindakan, kesedaran mengenai dan kesensitifan terhadap sumber dan hak pemegangan orang asli.
- 3.2.2) Apabila hak pemegangan orang asli mungkin akan terjejas, mereka diberikan peluang untuk menyertai dalam perancangan pengurusan, penyelidikan dan pengawasan kawasan hutan yang dikaitkan dengan sumber dan hak pemegangan asli.
- 3.2.3) Pengurus hutan mendapatkan—menerusi mekanisme perundingan yang berkesan—keprihatinan dan perspektif orang asli yang mungkin terjejas; hasil rundingan sedemikian didokumentasikan, termasuk tindakan yang diambil untuk mengambil kira keprihatinan dan pandangan yang telah diterima.

Pengesah:

- *Komunikasi antara FME dan wakil orang asli didokumentasikan.*

- 3.3. Tapak dengan kepentingan kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan khas kepada orang asli hendaklah dikenal pasti dengan jelas dalam kerjasama yang dijalankan dengan orang sedemikian dan diiktiraf serta dilindungi oleh pengurus hutan.

Penunjuk Prestasi:

- 3.3.1) Aktiviti pengurusan dengan impak yang berpotensi terhadap tapak dengan kepentingan kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan khas kepada orang asli dibimbing oleh “prinsip pengawasan”

Contoh tapak sedemikian mungkin termasuk:

- tapak istiadat, pengebumian atau kampung;*
- kawasan yang digunakan untuk memburu, memancing atau memasang perangkap;*
- kawasan yang digunakan untuk mengumpul makanan dan bahan kebudayaan yang penting.*

- 3.3.2) Pengurus hutan terlibat dalam prosedur sah untuk mengenal pasti dan melindungi tapak yang mempunyai kepentingan kebudayaan atau keagamaan khas; proses untuk mengenal pasti dan melindungi tapak sedemikian didokumentasikan; rancangan pengurusan mengandungi dasar bertulis yang jelas untuk pengenalpastian dan perlindungan tapak sedemikian.
- 3.3.3) Pekerja lapangan dilatih secukupnya dalam prosedur yang digunakan untuk melindungi tapak yang berkepentingan khas kepada orang asli.
- 3.3.4) Peta sulit yang merekodkan lokasi tapak berkepentingan khas dikekalkan dan dikemas kini serta digunakan oleh pengurus hutan dan pekerja lapangan.
- 3.3.5) Apabila tapak berkepentingan kepada orang asli mungkin terjejas oleh aktiviti pengurusan, orang asli diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pengenalpastian dan perlindungan

tapak dengan kepentingan kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan khas di dalam kawasan hutan yang ditentukan.

- 3.4. Orang asli hendaklah diberi pampasan untuk penggunaan pengetahuan tradisional mereka berkenaan dengan penggunaan spesies hutan atau sistem pengurusan dalam operasi hutan. Pampasan ini hendaklah dipersetujui secara rasmi dengan kebenaran bebas dan termaklum mereka sebelum operasi hutan bermula.

Penunjuk Prestasi:

- 3.4.1) Pengurus hutan berusaha untuk mengenal pasti dan mendokumentasikan keadaan dalam mana aktiviti pengurusan di kawasan hutan yang ditentukan bergantung pada atau berasaskan pada penggunaan pengetahuan tradisional yang boleh dijejak kepada orang asli tertentu.
- 3.4.2) Jika utiliti komersial diwujudkan menerusi penggunaan langsung pengetahuan tradisional, pengurus hutan perlu memberi pampasan, menerusi mekanisme yang adil, orang asli tersebut dengan siapa pengetahuan tradisional dikaitkan.

PRINSIP #4: PERHUBUNGAN KOMUNITI DAN HAK PEKERJA

Operasi pengurusan hutan hendaklah mengekalkan atau meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi jangka panjang pekerja hutan dan masyarakat tempatan.

- 4.1. Masyarakat di dalam, atau bersebelahan, kawasan pengurusan hutan hendaklah diberi peluang pekerjaan, latihan dan perkhidmatan lain.

Penunjuk Prestasi:

- 4.1.1) Rancangan pengurusan, atau dokumen dasar berkaitan yang lain, mengandungi peruntukan jelas yang menunjukkan komitmen dalam mengambil pekerja dan mengikat kontrak di kawasan setempat, sehingga suatu tahap yang munasabah dengan berpandukan pada kapasiti tempatan dan kemahiran tenaga kerja yang diperlukan.
- 4.1.2) Orang yang berkelayakan di dalam masyarakat setempat diberi peluang saksama yang relatif kepada calon bukan tempatan dalam pekerjaan dan kontrak; pengurus hutan secara aktif menyasarkan tenaga kerja tempatan.

Contoh mungkin termasuk:

-peluang pekerjaan dan kontrak yang ditawarkan di kawasan setempat sebelum ia ditawarkan di luar wilayah.

- 4.1.3) Pengurus hutan menyumbang kepada atau membangunkan program latihan secara terus yang direka bentuk untuk meningkatkan keupayaan dan kelayakan pekerja tempatan.
- 4.1.4) Terdapat dialog aktif antara pengurus hutan dan wakil masyarakat tempatan, yang disasarkan untuk mengenal pasti peluang pekerjaan, kontrak dan latihan.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan, rundingan dengan ahli masyarakat sekitar, kajian semula data dan rekod latihan

pekerja.

- 4.1.5) Pengurus hutan memberi keutamaan kepada vendor kelengkapan dan perkhidmatan pelbagai tempatan, tertakluk pada pertimbangan kos.

Contoh mungkin termasuk:

*-kayu balak ditawarkan kepada pemproses tempatan sebelum dijual ke luar wilayah;
-penggunaan bank tempatan, syarikat insurans, pembekal kelengkapan, dsb.*

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan, rundingan dengan perniagaan tempatan, semakan resit pembelian.

- 4.2. Pengurusan hutan hendaklah mencapai atau melebihi semua undang-undang dan/atau peraturan berkenaan yang merangkumi kesihatan dan keselamatan pekerja dan keluarga mereka.

Penunjuk Prestasi:

- 4.2.1) Operasi pengurusan hutan menunjukkan komitmen terhadap keselamatan pekerja; terdapat program keselamatan yang aktif.
- 4.2.2) Perkerja perkerja dan kaki tangan menunjukkan cara perkerjaan yang mengikuti piawaian keselamatan yang minima, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengikuti prosidur keselamatan syarikat yang ditentukan dan penggunaan peralatan keselamatan.
- 4.2.3) Kelengkapan keselamatan disediakan untuk semua pekerja, berpandukan sifat aktiviti dan syarat undang-undang pekerja.
- 4.2.4) Kelengkapan lapangan diperiksa dan diuji secara berkala untuk prestasi keselamatan.
- 4.2.5) Maklumat terkini mengenai undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dikekalkan oleh pengurus hutan dan disebarkan kepada pekerja hutan melalui papan tanda, buku panduan, mesyuarat dan/atau kaedah lain.
- 4.2.6) Pengurus hutan mengekalkan rekod keselamatan yang dikemas kini; statistik keselamatan pekerja yang diambil daripada rekod (misalnya, jenis kecederaan, kadar dan trend kemalangan) dapat dibandingkan sewajarnya terhadap industri atau norma serupa yang lain di rantau tersebut.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rekod keselamatan, rundingan dengan kakitangan kawal selia kesihatan dan keselamatan, temu ramah dengan pekerja.

- 4.2.7) Tiada kerja yang berkemungkinan menjejaskan kesihatan, keselamatan atau moral boleh dilakukan oleh sesiapa pun di bawah umur 18 (melainkan terdapat peruntukan khas terhadap keselamatan, latihan atau keadaan masyarakat tradisional).

- 4.3. Hak pekerja untuk membentuk kesatuan dan berunding secara sukarela dengan majikan mereka hendaklah dijamin seperti yang digariskan dalam Konvensyen 87 dan 98 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Penunjuk Prestasi:

- 4.3.1) Pengurus hutan, melalui tindakan dan dasar mereka, menghormati hak pekerja untuk membentuk persatuan atau menyertai kesatuan perdagangan dan untuk terlibat dalam tawar-menawar kolektif.
- 4.3.2) Isu dan ketidakpuasan yang ditimbulkan oleh pekerja dan/atau organisasi mereka disiasat segera dan dalam keadaan yang menunjukkan keadilan dan keobjektifan.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rekod ketidakpuasan dan keputusan, temu ramah dengan individu yang telah menfailkan ketidakpuasan tersebut.

- 4.3.3) Terdapat prosedur yang didokumentasikan untuk penyelesaian konflik.
- 4.4. Perancangan dan operasi pengurusan hendaklah menggabungkan keputusan penilaian impak sosial. Perundingan harus dijalankan dengan orang dan kumpulan yang terjejas secara langsung oleh operasi pengurusan.

Penunjuk Prestasi:

- 4.4.1) Rancangan pengurusan untuk kawasan hutan yang ditentukan mengandungi bahagian yang menunjukkan keputusan berkala penilaian impak sosial.
- 4.4.2) Aktiviti dan dasar pengurusan diubah suai, sebagaimana perlu, dalam respons kepada keputusan penilaian impak sosial.
- 4.4.3) Pengurus hutan terlibat dalam komunikasi berterusan dengan jiran dan pihak berkepentingan yang lain dalam masyarakat setempat; sehingga suatu tahap yang boleh diamalkan, dasar dan aktiviti pengurusan adalah sensitif kepada kebimbangan dan harapan pihak berkepentingan.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan, rundingan dengan jiran atau pihak tempatan lain yang berkepentingan.

- 4.4.4) Operasi pengurusan hutan boleh dicirikan sewajarnya sebagai “jiran yang baik” di dalam konteks serantau.
- 4.4.5) Pengurus hutan berusaha untuk memastikan jiran dan ahli masyarakat dimaklumkan mengenai aktiviti yang dirancang pada kawasan hutan yang ditentukan, misalnya, jiran dimaklumkan mengenai jualan balak akan datang.
- 4.5. Mekanisme yang bersesuaian hendaklah digunakan untuk menyelesaikan ketidakpuasan dan memberi pampasan yang adil jika berlaku kerugian atau kerosakan yang menjejaskan hak sah atau ada, harta, sumber atau mata pencarian orang tempatan. Langkah-langkah perlu diambil untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan.

Penunjuk Prestasi:

- 4.5.1) Di mana ia wujud dan boleh ditubuhkan menurut prosedur bona fide, terutamanya di dalam rangka kerja undang-undang, pengurus hutan mengiktiraf dan menghormati hak sah atau adat yang tertakluk pada pengaruh daripada aktiviti pengurusan di kawasan hutan yang ditentukan.
- 4.5.2) Pengurus hutan berusaha, menerusi dasar dan tindakan, untuk mengelakkan impak buruk terhadap harta, sumber dan/atau punca pendapatan orang tempatan.

- 4.5.3) Prosedur yang telah diwujudkan, sama ada rasmi atau tidak rasmi, digunakan untuk menyelesaikan ketidakpuasan dan memberi pampasan yang adil di mana operasi hutan membawa kepada kerugian atau kerosakan harta, sumber mata pencarian dan/atau hak penggunaan sah atau adat orang tempatan.

PRINSIP #5: MANFAAT DARIPADA HUTAN

Operasi pengurusan hutan hendaklah menggalakkan penggunaan efisien berbilang produk dan perkhidmatan hutan untuk memastikan daya maju ekonomi dan manfaat alam sekitar dan sosial yang luas.

- 5.1. Pengurusan hutan hendaklah berusaha mencapai daya maju ekonomi, sambil mengambil kira kos produksi penuh alam sekitar, sosial dan operasi dan memastikan pelaburan yang diperlukan untuk mengekalkan produktiviti ekologi hutan.

Penunjuk Prestasi:

- 5.1.1) Operasi pengurusan hutan disokong oleh modal kewangan dan sumber manusia yang diperlukan untuk melaksanakan rancangan pengurusan, dalam jangka panjang.
- 5.1.2) Kos penuh pengurusan hutan, termasuk kos alam sekitar dan sosial, dipertimbangkan dan diliputi secukupnya oleh sumber kewangan daripada operasi hutan.
- 5.1.3) Pelaburan modal, jentera dan sumber manual dilakukan pada tahap yang boleh mengekalkan atau memulihkan kapasiti produktiviti, integriti ekologi dan profil sosioekonomi kawasan hutan yang ditentukan.
- 5.1.4) Aktiviti (penjanaan pendapatan) komersial berdaya maju dari segi kewangan, berpandukan keadaan dan kos pasaran jangka pendek dan sederhana.

- 5.2. Pengurusan hutan dan operasi pemasaran hendaklah menggalakkan penggunaan optimum dan pemprosesan tempatan kepelbagaian produk hutan.

Penunjuk Prestasi:

- 5.2.1) Dasar pengurusan dan pemasaran, dan juga keputusan peringatan lapangan, secara sistematik memastikan bahawa produk hutan dijual untuk penggunaan tertinggi dan terbaiknya.

Contoh mungkin termasuk:

- produk terbaru diterokai dan dibangunkan untuk spesies yang biasa tetapi kurang digunakan*
- akses kepada pasaran baru diteroka dan dibangunkan.*

- 5.2.2) Pengurus hutan, menerusi dasar dan keputusan pengurusan mereka, berusaha untuk mempelbagaikan gabungan produk komersial yang diambil daripada hutan dan dipasarkan.
- 5.2.3) Operasi hutan menunjukkan rekod baik dalam mementingkan atau menggalakkan pemprosesan produk kayu tempatan, tertakluk pada harga yang kompetitif dan pertimbangan logistik.

- 5.3. Pengurusan hutan hendaklah meminimumkan pembaziran yang berkaitan dengan penuaian dan operasi pemprosesan di tapak dan mengelakkan kerosakan pada sumber hutan yang lain.

Penunjuk Prestasi:

- 5.3.1) Operasi penuaian mengurangkan dan mengelakkan sisa serta kerosakan bahan saki baki secara aktif.

Contoh mungkin termasuk:

-pokok pengadang dan teknik penebangan berarah digunakan untuk meminimumkan kerosakan pokok yang tidak disengajakan.

- 5.3.2) Operasi penyardan dan pengisihan balak mengurangkan dan mengelakkan pembaziran produk secara aktif, menyahgred dan melepaskan peluang pendapatan.
- 5.3.3) Penebangan balak dihadkan kepada bilangan dan saiz dan bertempat merentasi kawasan hutan yang ditentukan supaya impak alam sekitar yang buruk terhad atau boleh dielakkan.
- 5.3.4) Audit selepas penuaian di dalam unit penuaian, penebangan balak, kawasan pengisihan balak dijalankan secara sistematik; audit sedemikian termasuk penilaian kerosakan dan pembaziran sumber; tindakan pembetulan diambil berdasarkan keputusan audit selepas penuaian.
- 5.3.5) Apabila pemprosesan di tapak berlaku, jejak kemudahan pengilangan tidak boleh lebih besar daripada yang diperlukan untuk menjalankan operasi yang efisien; keputusan mengenai lokasi kemudahan pemprosesan termasuk pertimbangan mengenai impak alam sekitar dan kerugian tanah hutan yang produktif.

Pengesah: Rekod penilaian impak dengan langkah-langkah pengurangan yang lengkap (di mana berkenaan) untuk penempatan tanur arang atau operasi pengilangan .

- 5.3.6) Sambil mengurangkan dan mengelakkan pembaziran sumber secara aktif, pengurus hutan mewujudkan garis panduan lapangan yang mengiktiraf nilai ekologi biojisim (cthnya bahagian atas dan dahan) yang ditinggalkan di tapak; pengurus hutan mempunyai garis panduan bertulis untuk pengekalan sisa berkayu daripada penebangan dan tunggul yang masih berdiri di kawasan penuaian

Pengesah

- *Garis panduan lapangan bertulis untuk pengekalan biojisim (tunggul, bahagian atas dan sisa kayu yang ditebang).*

- 5.4) Pengurusan hutan hendaklah berusaha untuk mengukuhkan dan mempelbagaikan ekonomi tempatan dan mengelakkan kebergantungan pada produk hutan tunggal.

Penunjuk Prestasi:

- 5.4.1) Pengurus hutan boleh menunjukkan usaha mereka untuk mempelbagaikan gabungan produk komersial yang diambil daripada hutan dan dipasarkan.

Cara Pengesahan: misalnya, rekod penuaian tahunan, akaun belum terima, temu ramah dengan kakitangan pemasaran dan lapangan.

- 5.4.2) Di mana penggunaan sedemikian tidak menjejaskan kesihatan ekologi hutan, berbilang produk hutan dituai dan dipasarkan, sehingga suatu tahap di mana sumber hutan dan saiz operasi hutan membolehkan penggunaan berbilang produk.
- 5.4.3) Pengurus hutan dari operasi besar menyediakan insentif kewangan untuk penubuhan dan/atau peluasan perniagaan pengilangan produk hutan tempatan; pengurus hutan boleh menunjukkan usaha untuk menggalakkan pemrosesan nilai tambah tempatan.
- 5.4.4) Di tempat di mana peluang pasaran wujud dan di mana penggunaan sedemikian tidak menjejaskan kesihatan ekologi hutan, pemasaran produk hutan bukan balak dijalankan oleh pengurus hutan.

Contoh mungkin termasuk:

-penggunaan serasi seperti rekreasi, eko-pelancongan, pemburuan, memancing, penuaian produk khas, penebangan pokok Krismas, dll.

- 5.4.5) Pengurus hutan menyedari mengenai rancangan dan strategi pembangunan ekonomi tempatan/serantau; pengurus hutan mengambil tindakan yang mereka boleh untuk menyokong rancangan dan strategi ini.

5.5 Operasi pengurusan hutan hendaklah mengiktiraf, mengekalkan dan di mana sesuai, meningkatkan nilai perkhidmatan dan sumber hutan seperti kawasan tadahan dan perikanan.

Penunjuk Prestasi:

- 5.5.1) Rancangan pengurusan menangani rangkaian penuh perkhidmatan hutan yang dikaitkan dengan kawasan hutan yang ditentukan termasuk: kawasan tadahan perbandaran, perikanan komersial dan rekreasi (atau bekalan air kepada perikanan hilir), kualiti visual, sumbangan kepada kepelbagaian biologi serantau, rekreasi dan pelancongan.
- 5.5.2) Aktiviti pengurusan balak direka bentuk dan dilaksanakan mengikut ruang dan terbat masa, dengan pertimbangan wajar terhadap impak pada kualiti kawasan tadahan, habitat hidupan liar, estetika dan perkhidmatan hutan yang lain.
- 5.5.3) Pengurus hutan menunjukkan kesedaran dan kesensitifan terhadap perkhidmatan hutan bukan balak, kebanyakan daripadanya yang mungkin tidak menjana pendapatan.
- 5.5.4) Pengurus hutan terlibat dalam dialog berterusan dengan pihak berkepentingan dan penyokong perkhidmatan pengurusan hutan yang tertakluk pada kemungkinan impak daripada operasi hutan.

5.6) Kadar penuaian produk hutan hendaklah tidak melebihi paras yang boleh ditampung secara kekal.

Penunjuk Prestasi:

- 5.6.1) Untuk operasi yang melibatkan penebangan berkala (misalnya, tahunan), penebangan balak diselia oleh rancangan pengurusan balak yang termasuk penebangan yang dibenarkan yang dikira secara berkala.
- 5.6.2) Rancangan pengurusan balak, termasuk jumlah peringkat penebangan, corak terbat waktu

dan ruang penebangan serta preskripsi yang dirancang sedang dijalankan di lapangan.

- 5.6.3) Pengurus hutan menyimpan rekod tepat mengenai jumlah penebangan, mengikut kumpulan spesies; purata penebangan tahunan, dikira sebagai purata berulang 10 tahun, tidak melebihi penebangan dibenarkan yang dikira.
- 5.6.4) Melihat pada skala operasi dan kekerapan aktiviti komersial, anggaran jumlah pertumbuhan balak berkala di kawasan hutan yang ditentukan—mengikut kategori spesies—dijana menerusi gabungan data empirik dan kesusasteraan yang diterbitkan; anggaran pertumbuhan adalah konservatif.
- 5.6.5) Paras penuaian hendaklah ditetapkan supaya inventori spesies yang diinginkan meningkat sepanjang masa, melainkan ditentukan (dalam rancangan pengurusan) bahawa inventori semasa (diukur mengikut jumlah yang masih berdiri setiap hektar) melebihi keadaan yang diinginkan.
- 5.6.6) Untuk operasi yang melibatkan penebangan tahunan yang berterusan, paras penebangan anggaran berulang 10 tahun tidak melebihi purata peningkatan tahunan.
- 5.6.7) Untuk operasi hutan yang tidak melibatkan penebangan tahunan, kekerapan dan keamatan kemasukan penebangan ditetapkan supaya paras inventori dibenarkan untuk pulih—atau meningkat, jika stok sumber berkurangan—antara kemasukan.

PRINSIP #6: IMPAK ALAM SEKITAR

Pengurusan hutan harus memulihara kepelbagaian biologi dan nilai berkaitan dengannya, sumber air, tanah dan ekosistem serta landskap yang unik dan rapuh dan dengan melakukan sedemikian, dapat mengekalkan fungsi dan integriti ekologi hutan.

- 6.1. Penilaian impak alam sekitar hendaklah dilengkapkan – bersesuaian dengan skala, keamatan pengurusan hutan dan keunikan sumber yang terjejas – dan diintegrasikan secukupnya ke dalam sistem pengurusan. Penilaian hendaklah termasuk pertimbangan peringkat landskap dan juga impak kemudahan pemprosesan di tapak. Impak alam sekitar hendaklah dinilai sebelum memulakan operasi gangguan di tapak.

Penunjuk Prestasi:

- 6.1.1) Prosedur operasi standard untuk kawasan hutan yang ditentukan termasuk penyempurnaan projek (tapak)-peringkat penilaian impak alam sekitar, diskalakan kepada saiz dan kerumitan operasi, sebelum permulaan aktiviti gangguan tapak.
- 6.1.2) Penilaian Impak Alam Sekitar harus menyertakan cadangan untuk zon perlindungan (berdasarkan kepelbagaian biologi dan maklumat peringkat landskap) dan juga tinjauan flora dan fauna di kawasan tersebut.
- 6.1.3) Sebagai tambahan kepada penilaian peringkat projek, pengurusan hutan juga melengkapkan penilaian impak alam sekitar peringkat landskap di mana, contohnya, kesan kumulatif operasi hutan di dalam dan berdekatan kawasan hutan yang ditentukan agar ditangani.
- 6.1.4) Untuk memberi maklumat latar belakang untuk penilaian impak alam sekitar, konteks alam sekitar serantau, sub-rantau dan landskap bagi kawasan hutan yang ditentukan diwujudkan dan

didokumentasikan (terutamanya dalam rancangan pengurusan), yang konsisten dengan skala dan keamatan operasi.

- 6.1.5) Aktiviti pengurusan terancang diubah suai, berdasarkan hasil penilaian impak alam sekitar untuk mengelakkan atau menghadkan sebarang impak yang berpotensi; iaitu, aktiviti seharian yang dipengaruhi oleh penilaian alam sekitar.
 - 6.1.6) Maklumat dan data yang diperlukan untuk melengkapkan penilaian impak yang kompeten dikumpulkan secara sistematik oleh pengurus hutan.
- 6.2. Perlindungan yang melindungi spesies jarang ditemui, terancam dan hampir pupus serta habitatnya (misalnya, kawasan sarang dan makan) harus diwujudkan. Zon pemuliharaan dan kawasan perlindungan harus diwujudkan, bersesuaian dengan skala dan keamatan pengurusan hutan dan keunikan sumber yang terjejas. Pemburuan, memancing, memerangkap dan mengumpul secara tidak wajar harus dikawal.

Penunjuk Prestasi:

- 6.2.1) Dasar pengurusan diwujudkan dan didokumenkan sewajarnya, sebelum penuaian dilakukan, yang memerlukan operasi hutan untuk melindungi spesies jarang ditemui yang terancam dan hampir pupus serta habitatnya.
- 6.2.2) Dasar spesies terancam mematuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan, negeri dan persekutuan yang berkaitan dan juga triti antarabangsa, berkenaan dengan spesies terancam.
- 6.2.3) Operasi hutan mematuhi secara jelas dasar spesies terancam yang diwujudkan oleh pengurus hutan.
- 6.2.4) Pengurus hutan membentuk perhubungan kerja yang positif dan kolaboratif dengan pegawai berkaitan daripada agensi penguat kuasa tempatan, negeri dan persekutuan yang ditugaskan untuk melindungi statut spesies terancam.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan kawal selia, rekod pematuhan kawal selia.
- 6.2.5) Spesies “tersenarai”, habitatnya dan tapak dengan kepelbagaian spesies dan/atau ekosistem yang luar biasa tingginya dikenal pasti menerusi tinjauan lapangan atau sumber lain dan dilindungi atau diurus pada tahap yang cukup untuk memastikan populasi yang sewajarnya dikekalkan atau dipulihkan; tahap usaha itu hendaklah diskalakan kepada saiz dan kerumitan operasi hutan.
- 6.2.6) Pekerja lapangan dilatih dalam mengenal pasti spesies terancam dan habitatnya, contohnya menerusi seminar ringkas, risalah atau brosur mengenai spesies binatang terancam.
- 6.2.7) Kawasan habitat kritikal untuk spesies yang disenaraikan diasingkan sewajarnya, dilindungi atau diurus untuk memulihara habitat dan direkodkan pada peta.
- 6.2.8) Zon pemuliharaan dan kawasan perlindungan jika diwujudkan hendaklah diasingkan dengan sewajarnya, diuruskan dengan sewajarnya dan direkodkan pada peta mengikut skala yang bersesuaian.

6.3. Fungsi dan nilai ekologi harus dikekalkan dalam keadaan baik, ditingkatkan atau dipulihkan, termasuk:

- a) Penjanaan semula dan penggantian hutan;
- b) Kepelbagaian genetik, spesies dan ekosistem;
- c) Kitaran semula jadi yang memberi kesan terhadap produktiviti ekosistem hutan.

Penunjuk Prestasi:

Penunjuk 6.3.1 hingga 6.1.3 boleh digunakan pada ketiga-tiga subkriteria (iaitu, 6.3.a, 6.3.b dan 6.3.c); penunjuk tambahan menjelaskan mengenai subkriteria khusus di bawah penyenaaraiannya.

- 6.3.1) Fungsi dan nilai ekologi yang diketahui diterangkan dalam rancangan pengurusan dan dikemas kini secara berkala apabila maklumat/pengetahuan tambahan diperoleh; pengurus hutan mengambil langkah wajar untuk menyingkirkan jurang dalam maklumat dan pengetahuan mengenai fungsi ekologi di dalam kawasan hutan yang ditetapkan.
 - 6.3.2) Penuaian direka bentuk dan dilaksanakan, mengikut masa dan ruang, dengan mempertimbangkan jenis, saiz dan kekerapan gangguan semula jadi dan juga hubungan habitat hidupan liar.
 - 6.3.3) Pengurus hutan, melalui tindakan, dasar dan preskripsi mereka, menunjukkan pengetahuan kerja bagi fungsi ekologi yang berkenaan dengan jenis hutan di dalam mana mereka bekerja.
- a) Penjanaan semula dan penggantian hutan.
- 6.3.4) Penjanaan semula selepas penuaian akhir adalah mengikut masa dan berjaya; dirian muda, sama ada ditanam atau diwujudkan secara semula jadi, diisi dengan baik oleh spesies yang diinginkan, bertenaga dan dalam arah menjadi pokok boleh dagang yang sihat.
 - 6.3.5) Tertakluk pada skala operasi, operasi hutan diurus supaya dapat mengekalkan rangkaian penuh peringkat penggantian yang diedarkan di dalam julat kepelbagaian semula jadi.
 - 6.3.6) Preskripsi penuaian mengekalkan, meningkatkan atau memulihkan komposisi hutan asli; pengurusan disasarkan agar mengekalkan spesies yang wujud secara semula jadi.
 - 6.3.7) Pengurus bekerja dengan daripada melawan penjanaan semula secara semula jadi; penjanaan semula secara semula jadi, walaupun dalam pokok yang ditanam, diuruskan supaya meningkatkan kepelbagaian spesies dan struktur.
- b) Kepelbagaian genetik, spesies dan ekosistem.
- 6.3.8) Pemilihan pokok semasa penuaian, pengekalan dan penanaman mengekalkan atau meningkatkan kapasiti produktif, kepelbagaian dan kualiti genetik serta kepelbagaian spesies bagi dirian baki.
 - 6.3.9) Dalam unit penuaian pengurus hutan melindungi komponen habitat (misalnya, kepelbagaian spesies lapis bawah, tunggul, sarang dan pokok sarang, kepelbagaian mendatar dan/atau struktur) yang perlu untuk menyokong spesies asli.
 - 6.3.10) Rancangan pengurusan menggabungkan prinsip landskap dan perancangan berdasarkan ekosistem; rancangan mengandungi matlamat berkaitan dengan kepelbagaian biologi untuk

jujut skala ruang daripada kepelbagaian genetik kepada kepelbagaian landskap.

6.3.11) Habitat khas (seperti paya, kawasan tebingan, cerun yang tidak stabil dan batuan bonjol) dilindungi daripada impak penuaian dan aktiviti mengganggu tapak yang lain.

c) Kitaran semula jadi yang menjejaskan produktiviti ekosistem hutan.

6.3.12) Aktiviti yang mengganggu tapak (misalnya, penuaian, pembinaan jalan, penyediaan tapak, penanaman) mengehadkan impak buruk pada kesuburan tanah, struktur, lapisan organik dan nutrien.

6.3.13) Aktiviti pengurusan selepas penuaian mengekalkan kesuburan tanah, struktur dan fungsi.

6.4. Sampel wakilan ekosistem yang sedia ada di dalam landskap harus dilindungi dalam keadaan semula jadinya dan direkodkan pada peta, bersesuaian dengan skala dan keamatan operasi dan keunikan sumber yang terjejas.

Penunjuk Prestasi:

6.4.1) Mencerminkan skala dan keamatan operasi, rangkaian kawasan yang dilindungi diwujudkan dalam kawasan hutan yang ditetapkan; dalam mewujudkan rangkaian, pengurus hutan mengimbangi pertimbangan ekologi dan ekonomi.

6.4.2) Pengurus hutan mengumpul maklumat berkenaan dengan takat perlindungan sampel wakilan ekosistem sedia ada di dalam landskap serantau; di mana jurang wujud di dalam landskap, pengurus hutan mengambil tindakan yang menyumbang kepada memperbetulkan kekurangan tersebut, yang mencerminkan skala dan keamatan operasi.

6.4.3) Kawasan yang penting dari segi ekologi di dalam kawasan hutan yang ditetapkan (misalnya, disebabkan keunikan atau jarang ditemui) diurus (yang mungkin mengecualikan semua aktiviti gangguan) supaya nilai ekologi dilindungi.

6.4.4) Kawasan yang dilindungi di dalam kawasan hutan yang ditetapkan digariskan pada peta dan ditangani dalam rancangan pengurusan, termasuk dasar pengurusan dan perlindungan bertulis.

6.4.5) Dalam menugaskan kawasan wakil, pengurus hutan memastikan kesambungan habitat, misalnya koridor tebingan, di mana mungkin.

6.5. Garis panduan bertulis harus disediakan dan dilaksanakan untuk mengawal hakisan; meminimumkan kerosakan hutan semasa penuaian, pembinaan jalan dan semua gangguan mekanikal yang lain; serta untuk melindungi sumber air.

Penunjuk Prestasi:

6.5.1) Rancangan pengurusan, atau dokumen dasar berkaitan yang lain, mengandungi garis panduan bertulis yang jelas untuk mengelakkan atau mengehadkan hakisan tanah akibat daripada aktiviti gangguan tapak dengan berkesan.

6.5.2) Rancangan pengurusan, atau dokumen dasar berkaitan yang lain, mengandungi garis panduan bertulis yang jelas untuk mengelakkan atau mengehadkan kerosakan pada vegetasi hutan akibat daripada aktiviti gangguan tapak dengan berkesan.

- 6.5.3) Rancangan pengurusan, atau dokumen dasar berkaitan yang lain, mengandungi garis panduan bertulis yang jelas untuk melindungi sumber air (misalnya, aliran sungai dan kawasan tebingan bersebelahan, paya, resapan dan mata air) yang ditemui di dalam kawasan hutan yang ditetapkan; langkah perlindungan yang melebihi syarat undang-undang yang berkenaan dan/atau amalan pengurusan terbaik; keadaan lapangan menunjukkan bahawa langkah perlindungan mencapai objektif yang disasarkan.
- 6.5.4) Pengurus hutan dan pekerja hutan menunjukkan pengetahuan kerja mengenai garis panduan perlindungan sumber malahan mematuhiya secara sistematik dalam operasi seharian.
- 6.5.5) Kawasan tadahan, tebingan dan ciri akuatik dikenal pasti, dikelaskan dan dipetakan.
- 6.5.6) Pembinaan jalan, penyelenggaraan dan standard penutupan diikuti di lapangan; permukaan jalan disalir dengan baik, longkang cukup besar untuk penggunaan saliran puncak dan bar air dipasang dengan betul supaya ia beroperasi seperti yang direka.
- 6.5.7) Semua dasar dan garis panduan bertulis diamalkan dengan ketat dan dilaksanakan di tapak.
- 6.5.8) Aliran air dilindungi di tapak menggunakan zon penimbal yang memenuhi atau melebihi syarat undang-undang.
- 6.6. Sistem pengurusan harus menggalakkan pembangunan dan penerimaan kaedah bukan kimia yang mesra alam untuk pengurusan perosak dan berusaha untuk mengelakkan penggunaan racun perosak kimia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia Jenis 1A dan 1B dan racun perosak hidrokarbon berklorin; racun perosak yang berkekalkan, toksik atau terbitannya kekal aktif dari segi biologi dan berkumpul dalam rantai makanan mengatasi penggunaannya yang disasarkan; dan juga sebarang racun perosak yang diharamkan oleh perjanjian antarabangsa hendaklah dilarang. Jika bahan kimia digunakan, kelengkapan dan latihan yang sesuai harus diberikan untuk meminimumkan risiko kesihatan dan alam sekitar.

Penunjuk Prestasi:

- 6.6.1) Penggunaan racun perosak kimia yang berlaku di dalam konteks program pengurusan perosak berintegrasi, yang mencerminkan skala dan keamatan operasi.

Pengesah

- *Panduan silvikultur dipilih dan direka bentuk untuk meminimumkan kebergantungan pada racun perosak kimia.*
 - *FMU boleh menunjukkan bukti pengurangan atau penyingkiran penggunaan racun perosak kimia sepanjang masa..*
- 6.6.2) Senarai racun perosak kimia yang lengkap dan dikemas kini yang digunakan pada kawasan hutan yang ditetapkan harus dikekalkan (termasuk nama dagangan, ramuan aktif, kuantiti ramuan aktif yang digunakan, tarikh penggunaan, lokasi penggunaan, sebab penggunaan) dan disediakan kepada juruaudit SCS; tiada larangan kimia di bawah kriteria 6.6 digunakan melainkan pengurangan rasmi telah diberikan oleh FSC.
- 6.6.3) Penggunaan racun perosak dikawal oleh panduan bertulis khusus tapak yang direka bentuk untuk mengelakkan bahaya terhadap manusia dan alam sekitar serta untuk memaksimumkan keberkesanan penggunaan.

6.6.4) Kakitangan lapangan yang menggunakan racun perosak mempunyai lesen (di mana berkenaan) dan dilatih; kelengkapan dan alatan yang sempurna untuk memastikan penggunaan yang selamat disediakan dan digunakan oleh kakitangan lapangan.

6.6.5) Mencerminkan skala dan jenis operasi, terdapat penyeliaan di tapak oleh pegawai hutan profesional atau pekerja lain yang ditugaskan dengan tanggungjawab pemantauan semasa penggunaan racun perosak.

6.6.6) Panduan silvikultur dipilih dan direka bentuk untuk mengelakkan atau menghadkan kebergantungan pada racun perosak kimia.

Cara Pengesahan: misalnya, arah aliran sementara dalam penggunaan racun perosak, berhubungkait dengan panduan silvikultur.

6.6.7) Pengurus hutan menunjukkan komitmen untuk mengurangkan dan menyingkirkan dalam masa yang terdekat, kebergantungan terancang pada racun perosak kimia.

Cara Pengesahan: misalnya, kenyataan dasar bertulis dan kenyataan awam lain oleh pengurus kanan.

6.7. Bahan kimia, bekas, cecair dan sisa pejal bukan organik termasuk bahan api dan minyak harus dilupuskan dalam cara yang sesuai dengan alam sekitar di lokasi luar tapak.

Penunjuk Prestasi:

6.7.1) Bahan kimia toksik dan bekasnya, sama ada daripada operasi hutan atau kemudahan pemrosesan, harus dilupuskan, di luar tapak, dengan mematuhi syarat undang-undang yang berkaitan dan dengan cara yang boleh mengelakkan impak buruk terhadap alam sekitar.

6.7.2) Pengurus telah membangunkan rancangan dan prosedur luar jangkaan untuk pencegahan dan pembersihan berikutan berlakunya tumpahan atau kemalangan lain yang melibatkan racun perosak kimia, minyak dan bahan api.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula dokumen operasi perancangan, temu ramah dengan kakitangan pengurusan dan lapangan.

6.7.3) Terdapat kemudahan di tapak untuk pengumpulan bahan kimia dan sisa pejal bukan organik dengan selamat.

6.7.4) Sistem pelupusan sisa pejal yang betul digunakan - terutamanya berdekatan kem pembalakan.

6.8. Penggunaan ejen kawalan biologi harus dokumentasikan, diminimumkan, diawasi dan dikawal dengan ketat berpandukan undang-undang nasional dan protokol sains yang diterima antarabangsa. Penggunaan organisma yang diubah suai secara genetik adalah dilarang.

Penunjuk Prestasi:

6.8.1) Tidak boleh menggunakan (yang ditentukan sebagai penggunaan komersial dan juga penyelidikan) organisma yang diubah suai secara genetik di dalam kawasan hutan yang ditentukan **Nota: Tidak mematuhi Petunjuk ini akan menyebabkan *Kegagalan Utama* dan menghalang penganugerahan sijil sehingga dibetulkan sewajarnya.**

6.8.2) Penggunaan ejen kawalan biologi yang berlaku di dalam konteks program pengurusan perosak berintegrasi.

6.8.3) Penggunaan ejen kawalan biologi berlaku hanya apabila pengurus telah menentukan dengan jelas bahawa kaedah lain tidak akan berkesan dan hanya di bawah protokol yang ditetapkan yang mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan.

6.9. Penggunaan spesies eksotik harus dikawal dengan cermat dan diawasi secara aktif untuk mengelakkan impak ekologi yang buruk.

Penunjuk Prestasi:

6.9.1) Spesies eksotik (spesies pokok serta flora dan fauna lain) diperkenalkan ke dalam kawasan hutan yang ditetapkan hanya selepas penyiasatan aktif dilakukan terhadap potensi bahaya kepada alam sekitar dan sebarang risiko mitigasi.

6.9.2) Apabila spesies eksotik digunakan, penggunaan sedemikian ditadbir oleh garis panduan bertulis bagi mengawal penjanaan semula di luar tapak; pengawasan berterusan yang aktif adalah wajib.

Cara Pengesahan: misalnya, menyemak dokumen perancangan dan dasar, temu ramah dengan kakitangan pengurusan dan lapangan.

6.9.3) Spesies penceroboh eksotik tidak digunakan.

6.10. Penukaran hutan kepada ladang atau penggunaan tanah bukan hutan tidak boleh berlaku kecuali di dalam keadaan di mana pertukaran:

a) melibatkan bahagian unit pengurusan hutan yang sangat terhad; dan

b) tidak terjadi pada kawasan hutan dengan nilai pemuliharaan tinggi; dan

c) akan memberikan manfaat yang jelas, mencukupi, tambahan, terjamin, pemuliharaan jangka pangjang di seluruh unit pengurusan hutan.

Penunjuk Prestasi:

Untuk subkriteria a) (Melibatkan bahagian unit pengurusan hutan yang sangat terhad):

6.10.1) Tidak lebih daripada 5% kawasan hutan asli di dalam kawasan hutan yang ditetapkan telah (sejak 1994) atau akan ditukar menjadi ladang (seperti yang ditakrifkan oleh FSC) atau penggunaan tanah bukan hutan; sila ambil perhatian bahawa dirian ditanam tidak semestinya bererti ladang, mengikut erti istilah FSC.

Untuk subkriteria (b) (Tidak terjadi pada kawasan hutan dengan nilai pemuliharaan tinggi):

6.10.2) Kawasan dengan nilai pemuliharaan tinggi tidak ditukar menjadi ladang atau penggunaan tanah bukan hutan.

Untuk subkriteria (c) (Akan memberikan manfaat yang jelas, mencukupi, tambahan, terjamin, pemuliharaan jangka pangjang diseluruh unit pengurusan hutan).

6.10.3) Pengurus hutan boleh menunjukkan manfaat pemuliharaan terhadap bahagian kawasan hutan yang ditetapkan yang ditukar menjadi ladang atau penggunaan tanah bukan hutan.

PRINSIP #7: RANCANGAN PENGURUSAN

Rancangan pengurusan -- bersesuaian dengan skala dan keamatan operasi -- harus ditulis, dilaksanakan dan dikemas kini. Objektif jangka panjang pihak pengurusan dan cara untuk mencapainya harus dinyatakan dengan jelas.

- 7.1. Pelan pengurusan dan dokumen sokongan harus menyediakan:
- a) Objektif pengurusan;
 - b) Penjelasan mengenai sumber hutan yang perlu diuruskan, pengehadan alam sekitar, penggunaan tanah dan status pemilikan, keadaan sosio-ekonomi dan profil tanah yang berdekatan;
 - c) Penjelasan mengenai sistem silvikultur dan/atau pengurusan lain, berdasarkan pada ekologi hutan yang diperkatakan dan maklumat yang dikumpulkan menerusi inventori sumber;
 - d) Kewajaran kadar tuaian tahunan dan pemilihan spesies;
 - e) Peruntukan pengawasan pertumbuhan dan dinamik hutan;
 - f) Perlindungan alam sekitar berdasarkan pada penilaian persekitaran;
 - g) Rancangan untuk pengenalpastian dan perlindungan spesies jarang, terancam dan hampir pupus;
 - h) Peta yang menggambarkan asas sumber hutan termasuk kawasan yang dilindungi, aktiviti pengurusan terancang dan pemilikan tanah;
 - i) Penjelasan dan justifikasi teknik tuai dan peralatan yang digunakan.

Penunjuk Prestasi:

- 7.1.1) Terdapat rancangan pengurusan untuk kawasan hutan yang ditentukan yang menangani perkara dan komponen rancangan yang disebut dalam subkriteria (a) menerusi (i) di atas. Tahap perincian di dalam rancangan pengurusan mencerminkan skala, keamatan dan kerumitan operasi.
- 7.1.2) Rancangan pengurusan mengandungi matlamat jangka panjang dan objektif serta arahan taktikal jangka pendek dan dekat.
- 7.1.3) Pengurus hutan dan pekerja hutan, menerusi dasar dan tindakan mereka, menunjukkan komitmen dan keupayaan untuk melaksanakan rancangan pengurusan; tahap pembiayaan membolehkan pelaksanaan rancangan penuh.
- Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan; kajian semula rekod latihan kakitangan; kajian semula pelaburan dalam peningkatan dirian kayu, pengambilan kakitangan, latihan, dsb.*
- 7.1.4) Format, butiran, jangka masa dan fungsi rancangan pengurusan mencerminkan skala dan keamatan operasi.
- 7.1.5) Rancangan pengurusan disemak dan dikemaskini secara berkala, dengan frekuensi yang mencerminkan skala dan keamatan operasi; bagi operasi skala besar, rancangan pengurusan disemak sekurang-kurangnya sekali setiap 10 tahun.
- 7.1.6) Sumber manusia dan kewangan yang dilaburkan dalam pembangunan rancangan menghasilkan

rancangan pengurusan yang berfungsi dan kompeten.

- 7.2. Rancangan pengurusan akan disemak secara berkala untuk memasukkan hasil pengawasan atau maklumat saintifik dan teknikal baru, serta untuk bertindak balas kepada keadaan persekitaran, sosial dan ekonomi yang berubah.

Penunjuk Prestasi:

- 7.2.1) Rancangan pengurusan disemak dan dikemas kini secara berkala, dengan kekerapan yang mencerminkan skala dan keamatan operasi.
- 7.2.2) Seperti dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Prinsip 8, pengurus hutan merancang dan melaksanakan pengawasan keadaan hutan dan pelaksanaan rancangan pengurusan yang sistematik, yang hasilnya dipertimbangkan semasa semakan berkala rancangan.
- 7.2.3) Pengurus hutan ladang menetapkan langkah untuk melindungi, memulihkan dan memulihara kawasan utama hutan semula jadi di dalam pemilikan.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan, kajian semula rekod latihan kakitangan.

- 7.2.4) Sumber manusia dan kewangan yang dilaburkan dalam pengawasan berkala pada tahap-tahap untuk mengemaskinikan pengetahuan tentang keadaan dan suasana yang muncul.
 - 7.2.5) Sepanjang jarak masa 10 tahun atau lebih lama, rancangan pengurusan ini diselenggara dan dikemas kini, dengan demikian, rancangan ini mampu memberikan bimbingan yang berterusan kepada pengurusan kawasan hutan yang ditetapkan.
- 7.3. Pekerja hutan akan menerima latihan dan penyeliaan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan rancangan pengurusan yang betul.

Penunjuk Prestasi:

- 7.3.1) Terdapat protokol bertulis di mana pekerja hutan dilatih sewajarnya sebagaimana peranan mereka dalam melaksanakan rancangan pengurusan; tahap terperinci mencerminkan skala dan keamatan operasi.
- 7.3.2) Prosedur pengendalian standard (SOP) untuk indoktrinasi pekerja hutan baru termasuk latihan mengenai rancangan pengurusan ini dan peranan mereka di dalamnya.
- 7.3.3) Rekod dikekalkan apabila setiap pekerja hutan menerima latihan terhadap pelaksanaan rancangan pengurusan.
- 7.3.4) Tindakan yang diambil di lapangan (misalnya, menuai, pembinaan jalan, pengawasan) menunjukkan pematuhan dan pelaksanaan rancangan pengurusan.
- 7.3.5) Kedua-dua pekerja dan kontraktor menerima tahap latihan yang mencukupi terhadap rancangan pengurusan.

Cara Pengesahan: misalnya, perbincangan dengan kakitangan pengurusan hutan, kajian semula rekod latihan, tinjauan lapangan operasi untuk memastikan pelaksanaan

rancangan pengurusan.

- 7.4. Sementara menghormati kerahsiaan maklumat, pengurus hutan harus menyediakan ringkasan untuk awam unsur-unsur utama rancangan pengurusan itu, termasuk yang disenaraikan di dalam Kriteria 7.1.

Penunjuk Prestasi:

- 7.4.1) Pihak berkepentingan yang berminat boleh segera mendapatkan ringkasan awam daripada rancangan pengurusan.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

- 7.4.2) Ringkasan awam mencerminkan skala dan keamatan operasi.

- 7.4.3) Ringkasan awam ini memberikan maklumat mengenai unsur-unsur utama rancangan, termasuk yang disebutkan dalam Kriteria 7.1.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula ringkasan awam rancangan pengurusan.

- 7.4.4) Ringkasan awam dikemaskini secara berkala, pada kekerapan yang mencerminkan skala dan keamatan operasi.

PRINSIP #8: PENGAWASAN DAN PENAKSIRAN

Pengawasan harus dijalankan -- bersesuaian dengan skala dan keamatan pengurusan hutan -- untuk menaksir keadaan hutan, hasil produk hutan, rantai penahanan, aktiviti pengurusan dan kesam sosial dan persekitarannya.

- 8.1. Kekerapan dan keamatan pengawasan harus ditentukan oleh skala dan keamatan operasi pengurusan hutan serta kerumitan dan ketidakkukuhan relatif persekitaran yang terjejas. Pekerja lapangan dilatih secukupnya dalam prosedur yang digunakan untuk melindungi tapak yang berkepentingan khas kepada orang asli.

Penunjuk Prestasi:

- 8.1.1) Mencerminkan skala dan keamatan operasi, terdapat protokol bertulis untuk pengawasan berkala keadaan hutan, aktiviti pengurusan, pematuhan rancangan dan rantai penahanan.

- 8.1.2) Pengurus hutan telah menunjukkan rekod prestasi pematuhan protokol pengawasan.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan, kajian semula tapak dan data pengawasan.

- 8.1.3) Hasil daripada pengawasan digunakan dengan mudah suai dalam mengubah suai aktiviti, matlamat dan objektif pengurusan, rancangan pengurusan serta prosedur rantai penahanan.

- 8.2. Pengurusan hutan harus menyertakan penyelidikan dan pengumpulan data yang diperlukan untuk mengawas, secara minimumnya, penunjuk yang berikut:

- a) Hasil tuaian semua produk hutan;
- b) Kadar pertumbuhan, penjanaan semula dan keadaan hutan;
- c) Komposisi dan perubahan yang diamati dalam flora dan fauna;
- d) Kesan persekitaran dan sosial daripada penuaian dan operasi lain;
- e) Kos, produktiviti dan kecekapan pengurusan hutan.

Penunjuk Prestasi:

8.2.1) Pengurus hutan mengumpulkan maklumat secara berkala pada penunjuk yang disebutkan dalam kriteria ini, di atas; tahap butiran yang dikumpulkan mencerminkan skala dan keamatan operasi.

8.2.2) Maklumat yang dikumpulkan menerusi aktiviti pengawasan digunakan untuk melaras/menyemak amalan pengurusan dan rancangan pengurusan.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan pengurus hutan, kajian semula laporan analisis pengawasan dan rancangan pengurusan.

8.2.3) Rekod bertulis disimpan di peringkat menuai tahunan atau berkala, di peringkat ketentuan yang mencerminkan skala dan keamatan operasi.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula data dan/atau rekod pengawasan.

8.2.4) Pengurus hutan memperoleh dan menggunakan maklumat daripada petunjuk penting berkaitan dengan pengeluaran, profil persekitaran dan sosio-ekonomi operasi mereka.

8.3. Dokumentasi harus disediakan oleh pengurus hutan untuk membolehkan organisasi pengawasan dan pensijilan mengesan setiap produk hutan daripada asalnya, suatu proses yang dikenali sebagai "rantai penahanan."

Penunjuk Prestasi:

8.3.1) FME harus mempunyai prosedur bertulis untuk mengesan produk bersijil, juga dikenali sebagai "Rantai Penahanan" (COC). Penilaian ini, secara minimumnya, harus termasuk:

- Langkah untuk mengawal dan mengesan data yang berkaitan dengan jumlah dan asal produk hutan yang dituai (misalnya, berat, inventori, dan ukuran lain) di dalam hutan, semasa pengangkutan, di dek penebangan kayu dan pusat pendaratan dan pemrosesan yang dikendalikan oleh FME;
- Keterangan tentang kumpulan produk FSC (misalnya Kepingan getah FSC-Pure) dan kod sijil FME (misalnya, SCS-FM/COC-XXXXXX) pada invoice dan dokumentasi lain yang berkaitan dengan jualan produk bersijil, dan
- Keterangan tentang langkah-langkah yang digunakan untuk memisahkan produk hutan bersijil daripada yang tidak bersijil melalui tanda, label, simpanan berasingan, dan invoice atau dokumen lain yang menyertai produk tersebut ke titik jualan, atau di "gerbang hutan."

8.3.2) FME harus melaksanakan prosedur COC seperti ditakrifkan dalam penunjuk 8.3.1 secara konsisten.

8.3.3) Jika FME hendak menggunakan logo dan/atau tanda dagangan FSC atau SCS yang lain pada

produk atau dalam penerbitannya, termasuk di laman web, ia harus meminta persetujuan bertulis daripada SCS sebelum menggunakannya.

- 8.4. Hasil pengawasan harus dimasukkan ke dalam pelaksanaan dan semakan rancangan pengurusan.

Penunjuk Prestasi:

- 8.4.1) Pengurus dan penganalisis hutan menunjukkan komitmen terhadap pengurusan mudah suai, di mana maklumat yang dikumpul semasa pengawasan sistematik dimasukkan ke dalam semakan kepada rancangan pengurusan serta semakan kepada prosedur pengendalian standard.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan, kajian semula semakan rancangan pengurusan dan sokongan data.

- 8.4.2) Evolusi rancangan pengurusan ke atas semakan yang berturutan menunjukkan bahawa hasil pengawasan telah dimasukkan.

- 8.4.3) Rekod aktiviti pengawasan dikekalkan dan disediakan untuk juruaudit SCS.

- 8.5 Sementara menghormati kerahsiaan maklumat, pengurus hutan harus menyediakan ringkasan untuk awam unsur-unsur utama rancangan pengurusan itu, termasuk yang disebut di dalam Kriteria 8.2.

Penunjuk Prestasi:

- 8.5.1) Pihak berkepentingan yang berminat boleh segera mendapatkan ringkasan awam hasil pengawasan berkala yang menangani penunjuk-penunjuk yang disebutkan di dalam Kriteria 8.2; hasil pengawasan berkala diringkaskan dalam dokumen yang dikeluarkan oleh pengurus hutan atau dimasukkan ke dalam laporan audit pensijilan tahunan yang dikeluarkan oleh SCS.

- 8.5.2) Usaha pengurus hutan bagi menyimpan ringkasan pengawasan terkini; semakan dilakukan secara tahunan.

PRINSIP #9. PENYELENGGARAAN HUTAN DENGAN NILAI PEMULIHARAAN TINGGI

Aktiviti pengurusan dalam hutan dengan nilai pemuliharaan tinggi harus mengekalkan atau meningkatkan atribut, yang menentukan hutan sedemikian. Keputusan mengenai hutan dengan nilai pemuliharaan tinggi harus sentiasa dipertimbangkan dalam konteks pendekatan berjaga-jaga.

- 9.1 Penaksiran bagi menentukan kehadiran atribut yang konsisten dengan Hutan Dengan Nilai Pemuliharaan Tinggi akan dilengkapkan, bersesuaian dengan skala dan keamatan pengurusan hutan.

Penunjuk Prestasi:

- 9.1.1) FME harus menjalankan penilaian untuk mengenal pasti atribut Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang terdapat dalam FMU. Penilaian ini, secara minimumnya, harus termasuk:
- Rujukan pangkalan data dan peta pemuliharaan serantau atau nasional;

- Rujukan pada kit alat HCVF nasional, sekiranya ada atau bahagian pertama dan ketiga kit alat antarabangsa untuk kehadiran HCV (lihat *HCVF Toolkit* oleh WWF)¹;
- Pertimbangan data inventori hutan dan pemerhatian daripada pekerja lapangan, kontraktor atau perunding FME;
- Temu ramah dengan pakar biologi dan saintifik, masyarakat setempat dan pihak berkepentingan yang lain;
- Pengenalpastian dan dokumentasi kemungkinan ancaman terhadap HCV.

9.1.2) Untuk operasi bukan SLIMF, FME harus:

- Menyediakan penilaian bertulis untuk HCV yang mengandungi elemen 9.1.1 dan cadangan untuk melindungi HCV ini;
- Memberi penerangan teknikal untuk HCV yang dikenal pasti dan cadangan yang dibentangkan untuk perlindungan atribut ini; dan

Untuk FMU yang memenuhi keperluan SLIMF, hanya penunjuk yang berikut untuk kriteria ini digunakan; penunjuk tidak boleh digunakan untuk menilai operasi bukan SLIMF:

9.1.3) FME harus merujuk kepada pihak berkepentingan alam sekitar, pegawai atau penyelidik kerajaan untuk mengenal pasti HCV dan/atau HCVF.

9.1.4) FME harus merujuk pada kit alat HCVF nasional, sekiranya ada atau bahagian pertama dan ketiga kit alat antarabangsa untuk kehadiran HCV (lihat nota kaki di bawah).²

9.2. Bahagian perunding proses pensijilan mestilah menekankan pada atribut pemuliharaan yang dikenal pasti dan pilihan penyelenggaraan.

Penunjuk Prestasi:

9.2.1) Penilaian kehadiran HCVF termasuk perundingan dengan pemegang amanah berkaitan dan pakar dari luar.

9.2.2) Pengurus hutan memberi SCS senarai pihak berkepentingan berkaitan yang telah dirujuk berkenaan dengan HCVF.

9.2.3) Rundingan pihak berkepentingan menunjukkan bahawa operasi pengurusan hutan mempertimbangkan dan melindungi kawasan dengan nilai pemuliharaan tinggi secara konsisten.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula laporan HCVF, temu ramah dengan pakar dan/atau pihak berkepentingan yang telah dirujuk semasa penilaian HCVF.

9.3. Pelan pengurusan harus termasuk [dan melaksanakan] langkah khusus yang memastikan penyelenggaraan dan/atau peningkatan atribut pemuliharaan yang berkenaan yang konsisten dengan pendekatan berjaga-jaga. Langkah ini harus disertakan secara khusus dalam ringkasan rancangan pengurusan yang tersedia secara terbuka.

¹ *Kit Alat HCVF: Panduan untuk penilaian Hutan Nilai Pemuliharaan Tinggi* (http://www.panda.org/what_we_do/how_we_work/conservation/forests/tools/hcvf_toolkit/)

Penunjuk Prestasi:

- 9.3.1) Rancangan pengurusan dan ringkasan awam mengandungi bahagian yang berkaitan dengan kawasan HCV yang ditemui dalam kawasan hutan yang ditentukan.
- 9.3.2) Nilai pemuliharaan bagi setiap kawasan HCV yang dikenal pasti diterangkan dalam pelan pengurusan.
- 9.3.3) Rancangan dan ringkasan awam mengandungi dasar pengurusan dan perlindungan untuk kawasan HCV yang telah ditentukan yang dijaga, bersedia meyakinkan bahawa nilai pemuliharaan yang ditentukan akan dikekalkan atau dipertingkatkan.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rancangan pengurusan dan ringkasan awam.

- 9.3.4) Pengurus hutan menggunakan pakar biologi dan ekologi dalam membangunkan dan melaksanakan rancangan untuk menyelenggara HCVF.
- 9.3.5) Kajian dan penyelidikan hendaklah dimasukkan ke dalam HCVF dan habitat persekitaran untuk memastikan bahawa dokumentasi yang dikumpulkan akan digunakan dalam pemuliharaan dan pengurusan kawasan ini.

9.4. Pengawasan tahunan harus dijalankan untuk menilai keberkesanan langkah-langkah yang digunakan untuk mengekalkan atau meningkatkan atribut pemuliharaan yang berkenaan.

Penunjuk Prestasi:

- 9.4.1) Penunjuk keberkesanan yang boleh diukur dibangunkan dan dipersembahkan dalam seksyen HCVF pada pelan pengurusan.
- 9.4.2) Pengurus hutan menggunakan pakar biologi dan ekologi dalam membangunkan penunjuk bagi memantau HCVF.
- 9.4.3) Reflektif skala dan keamatan operasi, pengawasan tahunan dijalankan dengan memberi tumpuan kepada keberkesanan di mana pengurusan HCVF dan langkah-langkah perlindungan mengekalkan dan/atau mempertingkatkan sifat-sifat pemuliharaan yang berkaitan.
- 9.4.4) Hasil daripada pengawasan HCVF digunakan dengan mudah suai dalam mengubah suai pengurusan HCVF dan dasar perlindungan serta dalam menyemak rancangan pengurusan.
- 9.4.5) Hasil daripada pengawasan tahunan HCVF disediakan untuk juruaudit SCS dan ringkasan hasil tersebut disediakan untuk pihak berkepentingan yang berminat.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula laporan pengawasan HCVF.

PRINSIP #10: LADANG

Ladang harus dirancang dan diurus menurut Prinsip dan Kriteria 1 – 9 serta Prinsip 10 dan Kriterianya. Walaupun ladang boleh memberi rangkaian faedah sosial dan ekonomi dan boleh menyumbang kepada

memenuhi permintaan produk perhutanan dunia, ia harus menyokong pengurusan, mengurangkan tekanan terhadap hutan asli dan mempromosikan pemulihan dan pemuliharaan hutan asli.

- 10.1. Objektif pengurusan ladang termasuk objektif pemuliharaan dan pemulihan hutan asli harus dinyatakan dengan jelas dalam rancangan pengurusan dan ditunjukkan dengan jelas dalam pelaksanaan rancangan tersebut.

Penunjuk Prestasi:

10.1.1) Rancangan pengurusan untuk kawasan hutan ladang yang telah ditentukan mengandungi bahagian yang mempersembahkan objektif pemilik tanah dan/atau pemilik ladang.

10.1.2) Objektif hutan ladang mengandungi dasar yang jelas mengenai pemuliharaan hutan asli serta pemulihan kawasan hutan asli yang menurun. Perkadaran operasi hutan ladang yang diperuntukkan kepada penyelenggaraan dan pemulihan hutan asli melebihi norma serantau.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula syarat undang-undang untuk penyelenggaraan hutan asli dalam operasi ladang, perundingan dengan golongan profesional di kawasan serantau yang mahir dalam operasi ladang lain.

10.1.3) Pengurus hutan ladang menunjukkan corak sistematik dalam melaksanakan rancangan pengurusan.

- 10.2. Reka bentuk dan susun atur ladang hendaklah menggalakkan perlindungan, pemulihan dan pemuliharaan hutan asli dan bukannya menambahkan tekanan kepada hutan asli. Koridor hidupan liar, zon tepi sungai dan dirian mozek daripada umur dan tempoh perulangan berbeza harus digunakan dalam susun atur ladang, konsisten dengan skala operasi. Skala dan susun atur blok ladang harus konsisten dengan corak dirian hutan yang ditemui di dalam landskap semula jadi.

Penunjuk Prestasi:

10.2.1) Pengurus hutan ladang menetapkan langkah untuk melindungi, memulihkan dan memulihara kawasan utama hutan asli di dalam pemilikan.

10.2.2) Aliran produk hutan daripada hutan ladang menyumbang kepada permintaan serantau dan dengan itu membantu mengurangkan tekanan terhadap hutan asli di dalam rantau tersebut.

10.2.3) Corak ruang dirian tanaman di dalam operasi hutan ladang meniru corak asli yang ditemui di dalam landskap.

10.2.4) Zon penimbal tepi sungai dengan lebar yang menepati atau melebihi syarat undang-undang (atau norma serantau jika tidak syarat undang-undang akan diguna pakai) diwujudkan, di dalam litupan vegetatif semula jadi yang dikekalkan atau diwujudkan.

10.2.5) Koridor vegetatif semula jadi diwujudkan untuk pergerakan hidupan liar apabila skala, pendedaran dan tetapan ekologi pemilikan membenarkannya.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rancangan pengurusan, tinjauan lapangan koridor hidupan liar.

- 10.3. Kepelbagaian dalam komposisi ladang diutamakan untuk meningkatkan kestabilan ekonomi, ekologi dan sosial. Kepelbagaian sedemikian mungkin termasuk saiz dan pengedaran ruang unit pengurusan di dalam landskap tersebut, bilangan dan kandungan genetik spesies, kelas umur dan struktur.

Penunjuk Prestasi:

- 10.3.1) Pelbagai spesies dan asal usul digunakan dalam program penanaman.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rekod penanaman, temu ramah dengan pengurus yang bertanggungjawab atas perolehan anak-anak benih.

- 10.3.2) Rejim pengurusan memperkenalkan kepelbagaian menerusi amalan seperti: perulangan berubah-ubah, blok terpotong dalam saiz dan bentuk berbeza, penyelenggaraan anak benih sukarela (ditubuhkan secara semula jadi) di dalam dirian tanaman.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rancangan silvikultur.

- 10.3.3) Rancangan pengurusan hutan ladang mengandungi objektif biodiversiti, dasar dan garis panduan.

- 10.4. Pemilihan spesies penanaman harus berdasarkan pada keserasian keseluruhannya kepada tapak tersebut dan kesesuaian terhadap objektif pengurusan. Bagi mempertingkatkan pemuliharaan kepelbagaian biologi, spesies asli lebih diutamakan berbanding spesies eksotik dalam penubuhan ladang dan pemulihan ekosistem yang menurun. Spesies eksotik akan hanya digunakan apabila prestasinya lebih besar daripada spesies asli, harus diawasi dengan teliti bagi mengesan kematian luar biasa, penyakit atau wabak serangga dan impak ekologi yang buruk.

Penunjuk Prestasi:

- 10.4.1) Spesies pokok eksotik ditanam hanya selepas penaksiran spesies asli dilakukan, yang mana telah ditunjukkan bahawa spesies asli tidak boleh mencapai tahap prestasi yang setanding.

- 10.4.2) Pengawasan berkala dijalankan dari kebolehsuaian dirian eksotik, sebagaimana yang ditunjukkan oleh tahap pengukuran kematian, penyakit dan wabak serangga; hasil daripada pengawasan diringkaskan dan disediakan untuk juruaudit SCS.

- 10.4.3) Pemilihan spesies pokok yang hendak ditanam dan asal-usulnya adalah berdasarkan ujian di lapangan yang menunjukkan kesesuaiannya kepada tapak ladang dan objektif pengurusan.

- 10.4.4) Maklumat mengenai sumber benih atau stok tanaman dibentangkan di dalam rancangan pengurusan atau dokumen lain yang sesuai.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rekod penanaman, temu ramah dengan pengurus yang bertanggungjawab atas perolehan anak-anak benih.

- 10.5. Perkadaran kawasan pengurusan hutan secara keseluruhannya, bersesuaian dengan skala ladang harus diuruskan sebagaimana perlu untuk memulihkan tapak tersebut kepada litupan hutan asli.

Penunjuk Prestasi:

- 10.5.1) Sampel wakil ekosistem asli sedia ada dilindungi atau dipulihkan dalam keadaan semula

jadinya.

Cara Pengesahan: misalnya, temu ramah dengan kakitangan pengurusan hutan, kajian semula peta, penjenisan/inventori hutan dan GIS, perundingan dengan ahli ekologi serantau; kajian semula sempadan atau calon simpanan di lapangan.

- 10.5.2) Peratusan operasi hutan ladang yang dikhaskan kepada litupan hutan asli melebihi norma perhutanan ladang serantau.
- 10.5.3) Kawasan litupan hutan asli atau vegetatif semula jadi digariskan di atas peta dan sebagaimana perlu, disempadankan di lapangan bagi tujuan menjamin perlindungan.
- 10.5.4) Rancangan pengurusan mengandungi dasar dan garis panduan untuk rizab hutan asli di dalam operasi hutan ladang.
- 10.6. Langkah-langkah harus diambil untuk mengekalkan atau memperbaiki struktur tanah, baja dan aktiviti biologi. Teknik dan kadar penuaian, pembinaan jalan dan laluan dan penyelenggaraan serta pilihan spesies tidak boleh menyebabkan degradasi tanah jangka panjang atau memberikan impak buruk pada kualiti air, kuantiti air atau sisihan yang banyak dari pola sistem saliran sungai.

Penunjuk Prestasi:

- 10.6.1) Pengurus hutan ladang terlibat secara aktif ataupun memberi sokongan kepada penyelidikan yang dijalankan di lapangan untuk menilai arah aliran dalam produktiviti tanah; jenis tanah yang ditemui di dalam kawasan hutan ladang dipetakan dan dipertimbangkan semasa operasi lapangan.
- 10.6.2) Panduan untuk penubuhan, rawatan dan penuaian akhir pada dirian tanaman direka dengan mempertimbangkan kesihatan dan produktiviti tanah.
- 10.6.3) Aktiviti mengganggu tapak tidak memberi kesan buruk terhadap sumber akuatik dan tebingan termasuk kualiti air serta tidak menunjukkan perubahan terhadap ciri-ciri hidrologi pada tapak tersebut; mengelakkan penubuhan dirian tanaman di atas permukaan cerun yang curam.

Cara Pengesahan: misalnya, tinjauan lapangan di tapak ladang dan tapak akuatik, perundingan bersama pihak berkepentingan yang berkaitan dan/atau pakar dalam impak akuatik.

- 10.6.4) Semua sungai yang mengalir di dalam kawasan pengendalian hendaklah dipetakan.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula peta dan pembenaran bumi.

- 10.6.5) Rancangan pengurusan mengandungi dasar dan garis panduan untuk menyelenggara tanah dan perlindungan kualiti air.
- 10.7. Langkah-langkah harus diambil untuk menghalang dan meminimumkan wabak makhluk perosak, penyakit, kebakaran dan pengenalan kepada tumbuhan invasif. Pengurusan perosak berintegrasi akan membentuk bahagian penting dalam rancangan pengurusan, dengan pergantungan utama terhadap kaedah pencegahan dan kawalan biologi daripada racun perosak dan baja kimia. Pengurusan ladang harus mengambil segala usaha untuk menjauhi racun perosak dan baja kimia,

termasuk penggunaannya dalam tapak semaian. Penggunaan bahan kimia juga diliputi di dalam Kriteria 6.6 dan 6.7.

Penunjuk Prestasi:

10.7.1) Prosedur pengendalian standard untuk pengurusan hutan ladang termasuk pengawasan tetap aktiviti makhluk perosak dan patogen, kadar kematian yang keterlaluan dan penyebaran tumbuh-tumbuhan eksotik invasif.

10.7.2) Rancangan pengurusan mengandungi dasar dan garis panduan untuk pengurusan perosak berintegrasi yang boleh diperlihatkan di lapangan.

10.7.3) Pengurus hutan, menerusi dasar dan tindakan mereka, menunjukkan komitmen bagi menghadkan penggunaan racun perosak dan baja kimia.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rancangan pengurusan, perbincangan dengan pengurus hutan, tinjauan di kawasan yang menggunakan racun perosak.

10.7.4) Untuk operasi dirantau mudah bakar, terdapat rancangan bertulis mengenai pencegahan dan pemadaman kebakaran; tahap perincian mencerminkan skala dan keamatan operasi.

Cara Pengesahan: misalnya, kajian semula rancangan pengurusan, perbincangan dengan pengurus hutan.

10.8 Sesuai dengan skala dan kepelbagaian operasi, pengawasan ladang harus termasuk penilaian tetap potensi impak ekologi dan sosial di tapak dan di luar tapak, (misalnya, pemulihan semula semulajadi, kesan terhadap sumber air dan kesuburan tanah serta kesan terhadap kebajikan tempatan dan kesejahteraan sosial), sebagai tambahan kepada elemen yang dinyatakan dalam Prinsip 8, 6 dan 4. Tiada spesies boleh ditanam pada skala besar sehingga ujian tempatan dan/atau pengalaman telah menunjukkan bahawa ia boleh disesuaikan dengan baik pada tapak secara ekologi, tidak invasif dan tidak memberi impak negatif yang penting secara ekologi terhadap ekosistem yang lain. Perhatian khusus akan diberikan kepada masalah sosial berkaitan pemerolehan tanah untuk ladang, terutamanya perlindungan hak pemilikan, penggunaan, atau akses tempatan.

Penunjuk Prestasi:

10.8.1) Pengawasan merangkumi impak ekologi dan sosial aktiviti hutan ladang.

10.8.2) Pengawasan memfokus pada kedua-dua impak di tapak dan di luar tapak seperti kesan peringkat landskap yang dijana oleh spesies yang sedang ditanam.

10.8.3) Spesies dipilih untuk penanaman hanya selepas percubaan tempatan dan bukti empirik lain yang menunjukkan kesesuaiannya kepada tapak tersebut.

10.8.4) Pemerolehan tanah untuk penubuhan hutan ladang tidak memberikan kesan, tanpa pampasan sewajarnya, kepada hak pemilikan tempatan atau corak akses/penggunaan.

Cara Pengesahan: misalnya, perundingan dengan perwakilan masyarakat setempat.

10.9 *Ladang yang ditubuhkan di dalam kawasan yang ditukarkan dari hutan asli selepas November 1994 biasanya tidak layak untuk mendapatkan sijil. Pensijilan mungkin dibenarkan dalam keadaan di mana terdapat bukti yang mencukupi diserahkan kepada badan pensijilan yang menyatakan bahawa pengurus/pemilik tidak bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung terhadap penukaran tersebut.*

Penunjuk Prestasi:

10.9.1) Rekod yang mempunyai butiran yang mencukupi untuk membolehkan juruaudit SCS menentukan sekiranya penukaran hutan asli kepada ladang pernah berlaku sejak November, 1994, di dalam kawasan tanah di mana pensijilan sedang dipohon.

10.9.2) Sebarang pertukaran sedemikian, jika pernah berlaku, boleh dianggap sebagai tidak berkaitan kepada pengurus/pemilik semasa.

Lampiran 1- Undang-undang dan Peraturan Berkaitan

Undang-Undang Nasional dan Tempatan Malaysia dan Perjanjian dan Konvensyen Alam Sekitar:

Pengurusan hutan Semenanjung adalah di bawah bidang kuasa:

1. Dasar Perhutanan Nasional 1978;
2. Akta Perhutanan Nasional 1984;
3. Enakmen Hutan Syaye;
4. Ordinan negeri berkaitan dengan perlindungan hidupan liar;
5. Peraturan Hutan Negeri;
6. Akta Pemuliharaan Tanah 1960;
7. Akta Kualiti Alam Sekitar 1974;
8. Enakmen Taman Negara;
9. Akta Taman Negeri;
10. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972;
11. Akta Orang Asli 1954;
12. Kod Tanah Kebangsaan 1965;
13. Akta Air 1920;
14. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Lampiran 2- Perjanjian Antarabangsa

Konvensyen Antarabangsa di mana Malaysia merupakan pihak kepada:

1. Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Konvensyen Kepelbagaian Biologi yang membawa kepada Dasar Nasional mengenai Kepelbagaian Biologi 1998;
2. Konvensyen mengenai Paya Berkepentingan Antarabangsa Terutamanya mengenai Habitat Unggas Air (RAMSAR) 1971;
3. Perjanjian Kayu Tropika Antarabangsa 1994;
4. Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim 1992 diikuti oleh Protokol Kyoto;
5. Konvensyen mengenai Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam 1973;
6. Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Lampiran 3- Spesies Terancam

Senarai spesies terancam di Malaysia boleh diperolehi dari laman web Konvensyen mengenai Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Terancam (www.cites.org), yang mana Malaysia merupakan negara ahli.

Lampiran 4- Glosari

Perkataan dalam P&C digunakan seperti yang ditakrifkan dalam kebanyakan kamus bahasa Inggeris standard. Maksud tepat dan tafsiran tempatan mengenai frasa tertentu (seperti masyarakat tempatan) hendaklah diputuskan dalam konteks tempatan oleh pengurus hutan dan pengesah. Dalam dokumen ini, perkataan di bawah difahami seperti berikut:

Kepelbagaian biologi: Kebolehubahan antara organisma hidup daripada semua sumber termasuk, antara lain, daratan, marin dan ekosistem akuatik yang lain serta kerumitan ekologi dalam mana ia menjadi sebahagian daripadanya; ini termasuk kepelbagaian dalam spesies, antara spesies dan ekosistem.

Kepelbagaian nilai biologi: Intrinsik, ekologi, genetik, sosial, ekonomi, saintifik, pendidikan, kebudayaan, rekreasi dan nilai estetik kepelbagaian biologi dan komponennya.

Agen kawalan biologi: Organisma hidup yang digunakan untuk menyingkir atau mengawal populasi organisma hidup lain.

Rantai penahanan: Saluran pengedaran produk daripada tempat asalnya di hutan kepada penggunaan akhirnya.

Bahan Kimia: Jenis-jenis baja, racun serangga, racun kulat dan hormon yang digunakan dalam pengurusan hutan.

Hak adat: Hak yang terhasil dari tindakan lazim atau adat yang berpanjangan, sentiasa berulang, yang mana mempunyai, pengulangan sedemikian dan oleh perjanjian yang tidak terganggu, memperoleh penguatkuasaan undang-undang dalam unit geografi atau sosiologi.

Ekosistem: Komuniti semua tumbuhan dan haiwan serta persekitaran fizikalnya, berfungsi bersama-sama sebagai unit saling bergantung.

Spesies terancam: Mana-mana spesies yang berada dalam bahaya kepupusan di dalam keseluruhan atau sebahagian besar kelompoknya.

Spesies eksotik: Spesies asing atau endemik yang diperkenalkan kepada kawasan yang diperkatakan.

Integriti hutan: Komposisi, dinamik, fungsi dan sifat-sifat struktur hutan semula jadi.

Pengurusan/pengurus hutan: Orang yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pengendalian sumber hutan dan perusahaan, serta sistem dan struktur pengurusan, juga perancangan dan operasi lapangan.

Organisma yang diubah suai secara genetik: Organisma biologi yang telah dicetuskan dari pelbagai cara yang membentuk perubahan struktur genetik.

Tanah dan kawasan orang asli: Jumlah persekitaran tanah, udara, air, laut, ais laut, flora dan fauna serta sumber lain yang telah dimiliki oleh orang asli secara tradisional atau sebaliknya telah diduduki

atau digunakan.

Orang asli: "Keturunan sedia ada orang yang kini mendiami kesemua atau sebahagian daripada kawasan sesuatu negara pada masa apabila orang dari budaya atau asal etnik yang berbeza tiba di sana dari tempat lain di dunia, menewaskan mereka dengan cara penaklukan, penerokaan atau cara lain yang mengurangkan mereka kepada situasi bukan dominan atau kolonial; yang mana mereka hari ini hidup dalam keadaan yang lebih kepada mengikut sosial, ekonomi dan adat resam kebudayaan tertentu mereka daripada mengikut institusi negara yang mana kini mereka juga merupakan sebahagian daripada institusi ini, di bawah struktur negeri yang menggabungkan kebanyakannya ciri-ciri nasional, sosial, dan kebudayaan segmen populasi lain yang pradominan." (Definisi bekerja yang digunakan oleh UN Working Group on Indigenous Peoples).

Hutan Dengan Nilai Pemuliharaan Tinggi: Hutan Dengan Nilai Pemuliharaan Tinggi adalah yang mempunyai satu atau lebih sifat-sifat berikut:

- a) kawasan hutan yang mempunyai kepentingan global, serantau atau nasional: konsentrasi nilai biodiversiti (misalnya, endemisme, spesies terancam, refugia); dan/atau hutan besar di peringkat landskap, yang terkandung di dalam atau mengandungi unit pengurusan, di mana sebahagian besar populasi berdaya maju jika tidak semua spesies yang wujud secara semula jadi dengan banyak di dalam pola agihan dan kelimpahan asli;
- b) kawasan hutan yang berada di dalam atau mengandungi ekosistem jarang, terancam atau hampir pupus;
- c) kawasan hutan yang memberikan perkhidmatan asas alam dalam situasi kritis (misalnya, perlindungan kawasan tadahan, kawalan hakisan);
- d) kawasan hutan penting untuk memenuhi keperluan asas masyarakat tempatan (misalnya, sara hidup, kesihatan) dan/atau amat penting untuk identiti budaya tradisional masyarakat tempatan (kawasan budaya, ekologi, ekonomi atau makna keagamaan yang dikenal pasti bersama-sama dengan masyarakat tempatan yang bersangkutan).

Landskap: Mozek geografi yang terdiri daripada ekosistem yang bertindak balas hasil daripada pengaruh geologi, topografi, tanah, iklim, biotik dan interaksi manusia kawasan yang ditetapkan.

Undang-undang tempatan: Termasuk semua norma undang-undang yang ditetapkan kepada organisma oleh kerajaan yang mempunyai bidang kuasa kurang daripada peringkat kebangsaan, seperti jabatan, perbandaran dan norma lazim.

Jangka Panjang: Skala masa pemilik atau pengurus hutan sebagaimana yang ditunjukkan dengan jelas oleh objektif perancangan pengurusan, kadar penuaian dan komitmen untuk mengekalkan litupan hutan kekal. Panjang masa yang terlibat akan berbeza bergantung kepada konteks dan keadaan ekologi dan akan berjalan mengikut tempoh masa yang diperlukan oleh ekosistem yang ditetapkan untuk memulihkan struktur dan komposisi aslinya disebabkan penuaian atau gangguan atau bagi menghasilkan keadaan yang matang atau primer.

Spesies asli: Spesies yang terjadi secara semula jadi di dalam rantau itu; endemik kepada kawasan tersebut.

Kitar semula jadi: Kitaran nutrien dan mineral hasil dari interaksi antara tanah, air, tumbuh-tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran hutan yang memberi kesan kepada produktiviti ekologi tapak yang ditetapkan.

Hutan Semula Jadi: Kawasan hutan di mana terdapat banyak ciri-ciri utama dan elemen penting ekosistem asli seperti, kerumitan, struktur dan kepelbagaian, sebagaimana yang ditakrifkan oleh standard pengurusan hutan nasional dan serantau yang diluluskan oleh FSC.

Produk hutan bukan balak: Semua produk hutan kecuali balak termasuk bahan-bahan lain yang diperoleh daripada pokok seperti resin dan daun serta sebarang produk tumbuhan dan haiwan yang lain.

Jenis hutan lain: Kawasan hutan yang tidak memenuhi kriteria hutan ladang atau asli sepertimana yang ditakrifkan dengan lebih khusus oleh standard pengawasan hutan nasional dan serantau yang diluluskan oleh FSC.

Perladangan: Kawasan hutan yang kekurangan kebanyakan ciri-ciri utama dan elemen penting ekosistem asli sepertimana yang ditakrifkan oleh standard pengawasan hutan nasional dan serantau yang diluluskan oleh FSC disebabkan oleh aktiviti manusia sama ada dengan penanaman, penyemaian atau rawatan silvikultur yang intensif.

Prinsip: Peraturan atau elemen penting; dalam kes FSC, pengawasan hutan.

Pemulihan: Tindakan mengubah suai habitat atau ekosistem bagi memperkenalkan atau memperkenalkan semula komponen atau ciri-ciri yang bersesuaian dengan tapak baik dari segi ekologi ataupun sejarah.

Peringkat sere: komuniti tumbuh-tumbuhan sementara, ditentukan oleh spesies dominan yang menunjukkan frasa ekosistem yang berurutan.

Sistem kopis pusingan pendek-- sistem menuai, yang lazimnya dilakukan dalam jangka masa yang panjang dan hanya terdapat beberapa ciri ekosistem asli sahaja yang masih kekal.

Silvikultur: Seni penghasilan dan rawatan hutan dengan memanipulasi penubuhannya, komposisinya dan pertumbuhannya bagi memenuhi objektif pemilik. Ini boleh termasuk atau tidak termasuk pengeluaran kayu balak.

Sasaran: Perubahan yang progresif dalam komposisi spesies dan struktur hutan komuniti disebabkan oleh proses semula jadi (bukan manusia) dari semasa ke semasa.

Pemegangan: Perjanjian yang ditakrifkan dari segi sosial yang dipegang oleh orang individu atau kumpulan, yang diiktiraf oleh undang-undang statut atau amalan biasa, berkenaan "ikatan hak dan tugas pemilikan, memegang, mengakses dan/atau menggunakan unit tanah tertentu atau sumber berkaitan yang terdapat dalam (seperti pokok, spesies tumbuhan, air, mineral, dsb. yang dimiliki oleh individu).

Spesies terancam: Mana-mana spesies yang berkemungkinan menjadi terancam pada masa depan yang boleh diramal di dalam keseluruhan atau sebahagian besar kelompoknya.

Hak penggunaan: Hak untuk penggunaan sumber hutan yang boleh ditakrifkan oleh adat peribumi, perjanjian bersama atau yang ditentukan oleh entiti lain yang memegang hak laluan. Hak ini mungkin menghadkan penggunaan sumber tertentu kepada peringkat penggunaan khusus atau teknik penuaian tertentu.

